


Buku *Pluralisme: Etnisiti Sabah dan Sarawak* ialah sebuah festschrift penghargaan kepada Profesor Ismail Ibrahim, Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah sempena persaraan wajib beliau pada 5 April 2016. Buku ini memaparkan bidang tujuhan beliau iaitu Seni Borneo yang mengkhusus kepada kumpulan entik Murut. Terdiri daripada 18 bab, buku ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Sejarah dan Budaya serta Politik dan Ekonomi. Pengkategorian dalam dua bahagian ini adalah berdasarkan tema-tema setiap bab yang memberi fokus kepada sejarah, politik dan pilihan raya, ekonomi, budaya, kepercayaan, pelajaran, pakaian dan juga dasar-dasar yang ada hubung kait dengan kumpulan etnik Sabah dan Sarawak. Bab-bab dalam buku ini adalah hasil kajian para penulis dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya turut menyumbang bab dalam buku ini, diikuti Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA

Sarawak, Kampus Samarahan dan Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah. Penerbitan buku ini diharapkan dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat tempatan dan luar, ahli akademik, para sarjana dan pelajar untuk memahami sebahagian daripada hal-hal yang berkaitan dengan etnisiti di Sabah dan Sarawak.

ISBN : 978-967-0521-70-1

PENYUNTING : MAT ZIN MAT KIB, CHRISTINA ANDIN & ISMAIL ALI

HARGA : RM60.00



Buku ini dihasilkan khusus untuk para pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan Guru (IPG), kolej-kolej matrikulasi dan politeknik. Ia juga berguna untuk individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan sains sosial dan memerlukan analisis data dilakukan secara kuantitatif menggunakan program IBM SPSS Statistics 19. Bagi setiap jenis ujian statistik yang dibincangkan dalam buku ini, perbincangan akan dimulakan dengan pengenalan kepada konsep dan andaian, diikuti dengan contoh berserta dengan langkah-langkah dalam pengujian hipotesis berdasarkan output program IBM SPSS Statistics 19. Pendekatan langkah-demi-langkah turut digunakan untuk membantu para pembaca memperoleh output analisis statistik melalui program IBM SPSS Statistics 19. Bab 1 memperkenalkan antara muka program IBM SPSS Statistics 19. Bab 2 dan 3 pula menerangkan prosedur-


prosedur yang terlibat dalam pengurusan dan transformasi data agar data dapat dijelmakan dalam bentuk yang dikehendaki untuk memenuhi tujuan analisis data sementara Bab 4 memaparkan carta-carta statistik yang dapat dihasilkan daripada program IBM SPSS Statistics 19 untuk mewakili data dalam bentuk carta dan graf. Bab 5 membincangkan prosedur yang terlibat untuk menguji kenormalan taburan data melalui

ukuran berangka dan ukuran bergrafik, manakala Bab 6 membincangkan statistik perihalan yang merangkumi sukatan kecenderungan memusat dan sukatan serakan. Bab-bab seterusnya membincangkan ujian-ujian statistik jenis parametrik yang merangkumi ujian-t untuk satu kumpulan sampel, ujian-t untuk dua kumpulan sampel tak bersandaran, ujian-t untuk dua kumpulan sampel bersandaran, analisis varians (ANOVA) satu-hala, analisis varians (ANOVA) dua-hala, analisis kovarians (ANCOVA), ANOVA satu-hala bagi pengukuran berulang, ANOVA dua-hala bagi pengukuran berulang, analisis varians multivariat (MANOVA), korelasi hasil darab momen Pearson, analisis kebolehpercayaan, analisis regresi mudah, analisis regresi berganda dan analisis faktor. Selain itu, ujian-ujian statistik jenis bukan parametrik seperti korelasi Spearman's rho, khi-kuasa dua, ujian Mann-Whitney U, ujian pasangan berpadanan Wilcoxon, ujian Kruskal Wallis dan ujian Friedman turut dibincangkan.

ISBN : 978-967-0521-72-5

PENULIS : LAY YOON FAH & KHOO CHWEE HOON

HARGA : RM110.00




Globally, protected areas are threatened by deforestation, fragmentation, encroachment as well as financial insecurity. Considerable emphasis has been placed on the sustainability of protected areas in recent years. Developing recreational activities in a protected area is a promising economic alternative but it is also challenging. This book contains eleven articles that provide a broad coverage of various aspects in relation to the management of protected area and recreation. This book will be of significant interests to those studying park management, nature protection and recreation. It is also suitable as a reference source for a variety of working professionals especially recreation planners, park rangers, officers and managers.

ISBN : 978-967-0521-63-3

PENYUNTING : PHUA MUI HOW, MAZNAH MAHALI, KAMLISA UNI KAMLUN

HARGA : RM75.00




This book is an English edition of our previous book entitled “Pengenalan kepada Pendekatan Kuantitatif dalam Penyelidikan Pendidikan” which have received overwhelming and encouraging response from undergraduate and postgraduate students. The idea of writing this book emerged when we deeply felt the need to publish an English edition of the said book that could reach a wider audience, locally and internationally. This book is written especially for undergraduate and postgraduate students of public and private universities. It is also meant for lecturers and students in the teacher education institutes, matriculation colleges, and polytechnics who wish to know more about the use of quantitative approaches in educational research. This book is also useful for individuals who are involved directly or indirectly in educational research and who need to analyze data quantitatively. This book consists of 17 chapters which discuss the use of quantitative approaches in educational

research. Readers will be introduced to educational research. This is followed by a discussion on research philosophies and research ethics involved in educational research. Research design, population, samples and sampling techniques, research instruments, quantitative data analysis and hypothesis testing, the use of parametric and non-parametric statistical tests will also be discussed in detail. Last but not least, the writing of research reports which includes the introduction chapter, literature review chapter, methodology chapter, research findings chapter and summary, discussion and conclusion chapter will also be discussed in this book.

ISBN : 978-967-0521-73-2

PENULIS : LAY YOON FAH & KHOO CHWEE HOON

HARGA : RM98.00




Umum mengetahui bahawa tugas sebagai seorang polis memerlukan komitmen tinggi daripada setiap pegawai dan anggota untuk memastikan keselamatan dan kemakmuran negara terpelihara. Justeru, bagi mewujudkan keamanan dan keharmonian, maka kerjasama semua pihak perlu untuk merealisasikan usaha berkenaan. Perkara itulah yang menjadi keutamaan kepada Dato' Abd. Rashid Harun selaku Pesuruhjaya Polis Kontinjen Sabah, yang juga pernah mengetuai zon ESSCOM. Seyogianya, penulisan biografi ini merupakan satu titipan penghargaan dan kenangan atas khidmat bakti beliau selama berada di Sabah. Matlamat penulisan ini merupakan satu usaha untuk mendokumentasikan pengalaman luas Dato' Abd. Rashid dalam bidang kepolisan yang melangkau 41 tahun 8 bulan, iaitu bermula sebagai seorang Mata-Mata, tetapi dengan usaha serta iltizam luar biasa

telah membawa beliau ke puncak kejayaan dalam kerjayanya. Insiden pencerobohan Lahad Datu pada 2013 merupakan titik pencetus ke arah usaha penulisan biografi ini. Peristiwa penting sedemikian merupakan antara catatan gelap yang pernah menimpa Sabah dan ia perlu didokumentasikan. Justeru, pihak Universiti Malaysia Sabah mengorak langkah untuk merealisasikan hasrat tersebut. Dengan terbitnya biografi ini, maka para penulis percaya ilmu yang terkandung dalam buku kecil ini dapat digunakan sebagai tatapan dan rujukan kepada generasi akan datang untuk menjaga keharmonian dan keamanan di negeri ini.

ISBN : 978-967-0521-81-7

PENULIS : MOHD HARUN ABUDLLAH, ISMAIL ALI, SAIDATUL NORNIS HJ MAHALI, LAI YEW MENG, ASMIATY AMAT & ANANTHA RAMAN GOVINDASAMY

HARGA : RM85.00




Seperti juga ekonomi berasaskan fahaman kapitalis dan sosialis, ekonomi Islam merupakan ilmu yang mempelajari perilaku manusia yang diatur berdasarkan ajaran Islam dan didasari dengan tauhid, sebagaimana dirangkum dalam rukun iman dan rukun Islam. Dewasa ini, modal insan adalah aspek terpenting dalam mana-mana organisasi. Organisasi dan negara secara umumnya terbina dan membangun atas kapasiti modal insan yang berketerampilan terutamanya dalam aspek rohani, etika dan jasmani. Modal insan yang bersifat holistik ini mampu menjana kesejahteraan serta pembangunan sesebuah negara. Selari dengan itu, maka buku ini ditulis untuk membincangkan tentang beberapa tajuk berkaitan perburuhan dalam konteks Islam. Ia juga memuatkan perbincangan yang berkaitan dengan pengurusan pekerjaan secara profesional, sistem perburuhan yang tersusun, keadilan sosioekonomi, etika

kerja, konsep halal dan haram, riba dan kewajipan mengeluarkan zakat. Perbincangan lebih memfokuskan kepada ekonomi Islam dan bagaimana perburuhan menurut Islam mampu menstabil, mensejahtera dan membangunkan ekonomi negara. Buku ini juga memberi penekanan kepada etika kerja dan peranan buruh yang beretika berupaya membantu dalam pengurusan organisasi dan pembangunan negara. Secara keseluruhannya, buku ini membincangkan secara meluas bukan hanya tentang kewajipan bekerja, tetapi juga ciri-ciri yang wajib ada pada setiap pekerja menurut ajaran Islam.

ISBN : 978-967-0521-71-8

PENULIS : KASSIM MANSUR

HARGA : RM75.00




Buku ini membincangkan hubungan antara pengiklanan dan corak pemilihan makanan dalam kalangan kanak-kanak di Sabah. Perbincangan didasarkan kepada dua hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh penulis sejak tahun 2011. Kedua-kedua kajian tersebut memfokuskan perbincangan terhadap pengiklanan dengan masalah terlebih berat badan dan obesiti, suatu masalah kesihatan yang sangat membimbangkan pelbagai pihak termasuk ibu bapa, golongan yang terlibat dengan kesihatan dan kerajaan. Walaupun sudah banyak penulisan yang diterbitkan untuk mengupas perhubungan antara pengiklanan dan kanak-kanak, penulisan dan kajian tentang isu ini dalam kalangan kanak-kanak di Sabah masih kurang. Oleh hal yang demikian, buku ini diharapkan dapat mengisi kekurangan dan kelompongan maklumat dalam konteks kajian kanak-kanak dan kehidupan mereka dalam zaman moden yang serba mencabar ini. Buku ini boleh dijadikan sebagai salah satu sumber maklumat kepada sesiapa sahaja yang ingin mengetahui tentang

kehidupan kanak-kanak di Sabah, khususnya yang berkaitan dengan corak pemilihan makanan dan kesihatan.

ISBN : 978-967-0521-69-5

PENULIS : ANDRES TOTU & HALINA SENDERA MOHD YAKIN

HARGA : RM45.00



This book examines the effects of sources of stress upon job satisfaction and psychological health among firefighters in Malaysia and UK, and also investigates the roles of work motivation and coping behaviour as moderator variables. The aim was to establish an indigenous model for this occupational group in Malaysia. In addition, this book examines socio-demographic factors, e.g. length of service, rural vs. urban Malaysian firefighters and full-time vs. retained UK firefighters. A comparative analysis was conducted between Malaysian and UK samples to establish whether there are cross-cultural differences in firefighters' work motivation and coping behaviour.

Models of job satisfaction and psychological health for both cultures were produced. Relationships between sources of stress, work motivation, coping behaviour, psychological health, job satisfaction, and the differences between sub-groups of respondent (urban and rural Malaysian firefighters, full-time and retained UK firefighters) are also discussed

ISBN : 978-967-5224-30-0

PENULIS : Mohd Dahlan Hj. A. Malek

HARGA : RM55.00